

07 NOV 1999

Mahathir-Deepavali

KEMERIAHAN SAMBUTAN DEEPAVALI TANDA EKONOMI SUDAH PULIH, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri berkata kemeriahan sambutan perayaan Deepavali serta perayaan lain pada tahun ini menunjukkan pemulihan ekonomi negara yang semakin rancak.

"Saya nak kata di sini, tahun ini perayaan Deepavali dan lain-lain perayaan juga nampak meriah kerana suasana negara kita ini menjadi lebih ceria berikutan dengan pemulihan ekonomi," katanya kepada pemberita semasa mengunjungi rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemulihan ekonomi negara dibuktikan dengan kemampuan rakyat pelbagai kaum untuk berbelanja ketika menyambut sesuatu perayaan.

"Nampaknya rakyat mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanja, kedai-kedai penuh, restoran juga penuh, jadi ini adalah satu petanda yang baik kerana bagi kita, untuk menjalin hubungan yang baik dan mengamankan negara kita, ekonomi mestilah baik," katanya.

Dr Mahathir juga berkata semua rakyat harus bersyukur kerana ketiadaan ketegangan kaum di negara ini.

Presiden MIC dan yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata sambutan perayaan Deepavali ini membuktikan betapa perpaduan pelbagai kaum yang semakin mantap di negara ini.

"Saya yakin persepaduan perayaan di negara ini membawa pelbagai kebaikan untuk negara kita."

Beliau berkata perayaan Deepavali dan perayaan-perayaan lain yang di sambut semua rakyat harus diteruskan kerana ia memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata perayaan Deepavali yang turut di sambut oleh pelbagai lapisan kaum di Malaysia menunjukkan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini.

"Inilah Malaysia... sama ada kita kaum India atau tidak, ia tidak penting," kata Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata adalah menjadi tradisi di Malaysia setiap perayaan akan turut dirayakan oleh kesemua masyarakat negara ini tanpa mengambil kira latar belakang kaum dan agama mereka.

"Saya bangga dengan sambutan yang ramai, yang menunjukkan kemesraan di antara rakyat Malaysia. Ini menandakan kekayaan yang perlu dibanggakan dan harap dapat dipertahankan kerana proses perpaduan memerlukan kerjasama semua pihak," katanya.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata kemesraan di antara rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama itu telah dipupuk sejak sekian lama sehingga mewujudkan semangat kekitaan yang menebal.

Sementara itu, beberapa diplomat asing yang ditemui memuji konsep rumah terbuka di negara ini ketika menyambut sesuatu perayaan dengan berkata, ia telah menunjukkan perpaduan yang erat antara kaum di Malaysia.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Graham Fry berkata keharmonian masyarakat Malaysia yang bersama merayakan pelbagai perayaan merupakan suatu budaya yang membanggakan dan wajar menjadi contoh kepada masyarakat berbilang bangsa di negara lain.

"Satu daripada kejayaan besar Malaysia sejak bertahun lamanya ialah cara pelbagai kaum bergaul antara satu sama lain dalam keadaan aman dan harmoni tanpa sebarang ketegangan," katanya.

Pendapatnya turut disokong oleh Duta Finland ke Malaysia, Erkki Huittinen yang kagum dengan integrasi kaum yang menjadi lambang negara ini.

"Ia tentunya menjadi bukti kewujudan kaharmonian antara pelbagai kumpulan kaum," katanya.

Sementara itu Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya.

Beliau dan isteri Datin Tina Suganthi turut beramah mesra dengan kira-kira 1,000 tetamu dari pelbagai kaum termasuk diplomat asing yang menghadiri rumah terbuka itu.

Antara yang turut hadir termasuk Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Musa Hitam dan menteri-menteri kabinet serta beberapa tokoh politik dan korporat.

Subramaniam ketika ditemui berkata perayaan sesuatu kaum yang turut disambut kaum lain boleh memupuk semangat perpaduan dan bersatu padu di kalangan rakyat Malaysia.

Katanya setiap rakyat perlu bersatu dengan menyokong segala usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

"Kita masih dalam proses membaik pulih daripada kegawatan (ekonomi) walaupun ada tanda-tanda pertumbuhan ekonomi tetapi usaha masih belum selesai dan kerajaan perlukan sokongan dan perpaduan di kalangan rakyat," katanya.

-- BERNAMA
MHI RZS RON